

# UPM kerjasama universiti Perancis

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) meluaskan kerjasama pengajaran dan penyelidikan pertanian dengan Universiti Montpellier II (MU2) di Montpellier, Perancis pada 21 April lalu.

Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Ghizan Saleh berkata, kerjasama yang dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua institusi tersebut berasaskan kesaksamaan dan faedah bersama.

"Kedua-dua pihak berusaha untuk meningkatkan program pertukaran pelajar dan staf dalam kalangan pengajar, pentadbir dan penyelidik termasuk projek penyelidikan pertanian.

"Selain itu, kami juga akan menubuhkan program bersama dan kerjasama lain dalam bidang pertanian yang dipersetujui oleh kedua-dua institusi," katanya.

MoU tersebut berkuatkuasa lima tahun dan bermula sejak 27 Mac tahun lalu. Ia ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Presiden MU2, Prof. Dr. Danièle Herin dengan

disaksikan oleh Prof. Dr. Ghizan Saleh dan Naib Canselor Perantara bangsaan MU2, Prof. Jarome Galy.

Sebagai universiti terkenal di Perancis, MU2 bermula tahun 1970 mempunyai lapan bidang pengkhususan iaitu Aplikasi dan Biologi, Kimia, Telekomunikasi dan Rangkaian, Elektrikal dan Automotif, Sains, Informasi, Fizik dan Pengajian Perniagaan dan Pemasaran.

Sementara itu delegasi UPM telah melawat Agropolis International iaitu satu pertubuhan komuniti saintifik yang dianggotai lapan pusat penyelidikan, lima universiti dan tujuh institusi pengajian tinggi di Montpellier.

Ia menyaksikan penglibatan seramai 2,300 orang penyelidik, 7,000 pelatih dan 1,400 juruteknik dalam 112 unit penyelidikan *inter-institutional* dan *interdisciplinary*.

Pengarah Agropolis, Dr. Fabien Bouldier berkata, aktiviti yang dijalankan mereka adalah dalam bidang pertanian, makanan, alam sekitar, biodiversiti dan persatuan.

"Agropolis telah menjadi satu badan



**DOKUMEN** persefahaman ditandatangani oleh Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (dua dari kanan) dan Presiden UM2, Dr. Danièle Herin (dua dari kiri) yang disaksikan Dr. Ghizan Saleh dan Jarome Galy.

untuk mengkoordinasi dan memudahkan hubungan kerjasama di antara institusi dan penyelidik, selain menjadi tuan rumah untuk delegasi saintis dalam dan luar negara.

"Malah ahli Agropolis boleh bekerjasama tanpa batasan untuk menggunakan semua kemudahan yang disediakan di makmal dan di semua institusi di Montpellier," katanya.